

Rawang tenggelam di waktu subuh

Pengguna Batu Arang-Rawang melihat limpahan air Sungai Bakau yang menutupi laluan.

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Hujan lebat lebih tiga jam bermula lewat malam kelmarin sehingga awal pagi semalam mengakibatkan jalan Batu Arang-Rawang berhampiran Sungai Bakau dinaiki air setinggi setengah meter.

Keadaan itu menyebabkan jalan yang terkenal dengan kesesakan lalu lintas itu menjadi semakin buruk selepas air naik seawal jam 7 pagi dan hanya surut sekitar jam 9.30 pagi.

Banjir disebabkan limpahan Sungai Gong akibat hujan luar jangka memaksa pengguna kenderaan menggunakan laluan alternatif melalui jalan lama Kundang untuk ke bandar berbanding jalan biasa menghala tol Rawang.

Selain banjir di jalan utama itu, Kampung Sungai Bakau turut dinaiki air sementara di Bandar Country Homes pula berlaku runtuhannya tembok pengadang rumah mengakibatkan sebuah kereta rosak teruk.

Pertama kali sejak 11 tahun

SEBANYAK 20 rumah di Kampung Melayu Sungai Bakau tenggelam sekitar jam 6 pagi semalam.

Insiden tersebut adalah pertama selepas 11 tahun disebabkan pembangunan yang tidak disertakan sistem perparitan yang baik.

Wakil Penduduk, Ismail Harun berkata, pihaknya telah menasihatkan penduduk terlibat supaya membuat laporan polis untuk tujuan ganti rugi atau sumbangan saguhati dan perkara itu telah dimaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semalam.

Seorang penduduk, Amran Mat Desa, 39, pula berkata, ayahnya hampir pitam selepas dikejutkan dengan



Kereta jenis Waja yang rosak teruk selepas tembok tebing runtuh susulan hujan berterusan semalam.



AMRAN

sapaan air hujan yang terkena pada tilamnya sewaktu sedang tidur lena.

"Semasa banjir hanya mak dan ayah di rumah. Kami adik-beradik yang telah berkeluarga tinggal sekitar sini.

"Sewaktu saya sampai, semua barang dalam rumah ditenggelami air dan rosak seratus peratus. Jumlah kerugian dianggarkan RM5,000 melibatkan perabot dan barangan elektrik di rumah ayah dan kakak," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd Fadli Arshad, 28, berkata, hasratnya



MOHD FADLI

untuk ke tempat kerja terbantut selepas rumah didudukinya dimasuki air jam 6.30 pagi.

"Saya bangun untuk bersiap ke tempat kerja tapi berubah fikiran membantu keluarga menyelamatkan harta benda terutamanya barangan elektrik termasuk televisyen.

"Tindakan pantas berjaya menyelamatkan beberapa barang namun kerugian hampir RM1,000 selepas perabot, tilam dan kabinet rosak terkena air," katanya.



Air naik dengan pantas memenuhi rumah penduduk.

Tanah runtuh hempap kereta

DALAM situasi berasingan, seorang penduduk Bandar Country Homes berputih mata selepas kereta jenis Waja miliknya remuk dalam insiden tebing runtuh lalu menghempap kenderaannya.

Mangsa, Lai Kit Yein, 27, berkata, dalam kejadian jam 7 pagi itu kereta milik keluarganya remuk 70 peratus dan tidak boleh dibaiki.

"Biasanya kereta itu diletakkan di tepi pagar, tapi nak dijadikan cerita, malam kejadian kami letakkannya di pinggir jalan bersebelahan tembok pengadang yang runtuh itu.

"Hujan turun lebat sejak 3 pagi lagi dan kami tak terfikir langsung nak alih kereta sebab tak sangka insiden buruk ini akan berlaku," katanya.

Seorang penduduk yang baru membeli rumah di kawasan itu, A Segaran, 40, berkata, hasrat menduduki rumah tersebut terpaksa di-

tangguhkan dulu sehingga pembaikan tembok dilakukan atas tujuan keselamatan.

"Semalam (kelmarin) saya baru tandatangan perjanjian sewa beli rumah dan bercadang untuk mengambil kunci daripada pemilik terdahulu tetapi dikejutkan pula dengan runtuhnya tembok yang jaraknya 50 meter dari rumah saya," katanya.

Sementara itu, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, hujan lebat menyebabkan sungai sedia ada tidak mampu menampung kuantiti air yang banyak dalam satu masa.

Selain itu menurutnya, faktor sekatan sebuah kilang yang beroperasi di atas kawasan sungai menyebabkan aliran menjadi sempit.

"Untuk penyelesaian jangka pendek, kita akan buat kerja pembersihan dan mengorek mendapan," katanya.



Mohd Fadli (kiri) bersama kakak dan ayahnya membersihkan rumah sejeurus banjir surut.